

Tarikh Dibaca: 26 Februari 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“FAHAMAN LIBERAL PEROSAK AKIDAH”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR
2016**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



"FAHAMAN LIBERAL PEROSAK AKIDAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا
النَّصْرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ ^{قُلْ} قُلْ إِنْ هَدَىٰ اللَّهُ هُوَ
الَّذِي ^{قُلْ} وَلِيْنَ أَتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ
الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru muslimin yang dikasihi sekalian, marilah kita tingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mematuhi dan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi setiap larangan-Nya. Semoga kita sentiasa berada dilandaskan akidah yang betul dan tidak terpaut dengan golongan yang sesat lagi menyesatkan.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah bertajuk **"FAHAMAN LIBERAL PEROSAK AKIDAH"**.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Liberalisme adalah satu fahaman yang menuntut kebebasan berfikir tanpa batasan dan menolak prinsip kebenaran agama Islam serta mengambil jalan mudah dalam beragama.

Melalui fahaman liberal ini, pemikiran umat Islam diadun dengan acuan kebebasan tanpa batasan, iaitu bebas melakukan apa sahaja tanpa sekatan, kongkongan atau diskriminasi yang dianggap sebagai kebebasan asasi. Sekiranya disekat, dihalang atau didakwa, maka golongan ini dengan pantas mencanang satu dunia bahawa hak kebebasan mereka telah dicabuli.

Pejuang fahaman liberal juga mendakwa bahawa agama Islam mengikat, jumud, membataskan kemajuan malah cuba menakut-nakutkan masyarakat dengan menafikan pelaksanaan undang-undang Islam yang didakwa sebagai tidak mengikut perlembagaan, kerana dianggap tidak adil, zalim, dan tidak sesuai dilaksanakan dalam kepelbagaian kaum dan agama sedangkan agama Islam adalah agama yang syumul, yang diturunkan oleh Allah SWT yang maha mengetahui, lengkap meliputi peraturan, undang-



undang yang mengatur kehidupan manusia dalam semua aspek untuk kesejahteraan hidup manusia.

Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 83:

أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ

"Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu, mereka mencari lain dari agama Allah? padahal kepadaNya lah tunduk taat sekalian makhluk Yang ada di langit dan di bumi, sama ada Dengan sukarela ataupun terpaksa, dan kepadanya lah mereka dikembalikan".

Sesungguhnya serangan ideologi liberalisme telah mencacatkan pemikiran umat Islam. Golongan ini hanya menggunakan logik akal untuk menilai sesuatu kebaikan dan keburukan lantas menolak al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber hukum. Mereka percaya bahawa orang yang melakukan perbuatan jahat tidak salah asalkan niat mereka baik.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Sebagai contoh, berita yang pernah dipaparkan dalam media mengaitkan idea songsang daripada sebuah kumpulan terlajak bijak, yang menentang hukuman berkhawat di rumah persendirian kerana itu adalah hak dan privasi setiap individu.

Kumpulan tersebut mendakwa perbuatan khalwat di tempat peribadi adalah dosa peribadi antara pelakunya dengan Allah. Mereka juga mencadangkan supaya hukuman terhadap perbuatan berkhawat dimansuhkan, kerana didakwa melanggar hak kebebasan seseorang.



Pemikiran apakah ini? Adakah ideologi ini yang akan diwarisi oleh anak-anak dan cucu-cucu kita?

Adakah ini yang diinginkan oleh pejuang kebebasan? Bebas berkhalwat dan melihat bayi tidak berdosa dibuang bagaikan bangkai binatang?. Jangan terkejut, jika menemui bayi didepan rumah yang merupakan anak atau cucu kepada pejuang kebebasan itu sendiri.

Statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM) melaporkan bahawa bermula Januari hingga Julai 2013 sebanyak 90 kes pembuangan bayi direkodkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 59 bayi ditemui meninggal dunia. Manakala pada tahun 2014 sebanyak 53 kes direkodkan bagi tempoh yang sama. Daripada jumlah tersebut seramai 38 bayi ditemui meninggal dunia. Adakah kebebasan ini yang dituntut?

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mimbar ingin menegaskan bahawa matlamat undang-undang kesalahan khalwat digubal adalah bertujuan mengawal dan mencegah daripada berlakunya kesalahan yang lebih besar iaitu zina. Islam juga memberi peringatan untuk mencegah sesuatu yang mungkar bagi menjamin kemaslahatan umat Islam daripada terjerumus ke lembah kebinasaan. Oleh sebab itu Islam menetapkan supaya 5 asas objektif pensyariaan wajib dijaga dan dipelihara oleh kita semua iaitu;

1. Menjaga agama,
2. Menjaga nyawa,
3. Menjaga keturunan,
4. Menjaga akal,
5. Menjaga harta.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 32:



وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, Sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan Yang keji dan satu jalan Yang jahat (yang membawa kerosakan)".

Hadis daripada Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنِّي تَرَكْتُ فِيكُمْ شَيْئَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا بَعْدَهُمَا؛
كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّتِي

"Wahai manusia! Sesungguhnya aku tinggalkan untuk kamu dua perkara jika kamu berpegang kepadanya kamu tidak akan sesat selamanya; kitab Allah (al-Quran) dan sunnahku".

(Riwayat al-Hakim).

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Kita tidak sewajarnya merelakan kemungkaran berlaku dengan memberikan alasan sebagai urusan peribadi individu yang tidak boleh diganggu. Perlu diingat konsep kebebasan dalam Islam ada batas dan sempadan yang perlu dipatuhi. Umat Islam dilarang sama sekali melakukan kemungkaran dan maksiat secara bebas mengikut rasa hati.

Melihat kepada ideologi liberalisme yang bertentangan dengan syariat Islam, maka Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah



memutuskan bahawa Aliran Pemikiran Liberal adalah ajaran sesat dan menyeleweng daripada syariat Islam.

Disamping itu, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Selangor pada 6 Jun 2013 telah memutuskan bahawa fahaman liberalisme dan pluralisme agama sebagai aliran sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam dan telah diwartakan pada 31 Julai 2014.

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekali,

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita renung dan ambil pengajaran serta penghayatan yang memberi manfaat dalam hidup kita iaitu;

1. Umat Islam dituntut supaya kembali kepada petunjuk al Quran dan as-Sunnah dengan menghayati isi kandungannya dan diaplikasikan dalam kehidupan kita seharian disamping menghormati dan merujuk kepada ulama-ilama yang muktabar.
2. Umat Islam hendaklah memastikan agar tidak terpedaya dengan pemikiran liberalisme yang boleh melemahkan iman mereka.
3. Umat Islam diwajibkan menjaga agama, nyawa, keturunan, akal dan harta disamping mengutamakan masalah 'ammah berbanding dengan masalah peribadi sahaja.
4. Umat Islam hendaklah menolak fahaman-fahaman yang menyesatkan dan bertentangan dengan prinsip-prinsip pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah yang boleh merosakkan akidah.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قَالَ اللَّهُ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ
وَوَيْلٌ لِلْكَافِرِينَ مِنْ عَذَابٍ شَدِيدٍ ﴿٢﴾ الَّذِينَ
يَسْتَحِبُّونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا عَلَى الْآخِرَةِ وَيَصُدُّونَ عَنْ
سَبِيلِ اللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا أُولَئِكَ فِي ضَلَالٍ بَعِيدٍ ﴿٣﴾

"Allah jua yang memiliki segala yang ada di langit serta yang ada di bumi; dan kecelakaan besar bagi orang-orang yang kufur ingkar (terhadap Al-Quran) dari azab yang amat berat (yang akan menimpa mereka kelak). Orang-orang yang mengutamakan dunia lebih daripada akhirat, dan menghalangi manusia dari jalan agama Allah, serta menghendaki jalan itu menjadi bengkok terpesong, mereka itulah orang-orang yang terjerumus ke dalam kesesatan yang jauh terpesongnya".

(Surah Ibrahim : 2-3).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman atau perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ
سَلَاحُورٍ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ



الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَّ عَهْدِ
سَلَاغُورَ، تَعَكُّو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الدِّينِ ادريس شاه الحاج في أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْظَمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.